


NAMA PELAJAR :

KELAS : 6

M.PELAJARAN : SEJARAH

Disediakan Oleh:

Ustz. Rozanah



Assalamualaikum semua pelajar tahun 6. Tahun ini kamu akan mula belajar Sejarah.  
Sila lihat video di atas ya.....

Selepas menonton penerangan video  
di atas, **sila jawab soalan** di bawah.

## LATIHAN 1

Lengkapkan maklumat berkaitan sebab-sebab pembentukan Malaysia

|                   |           |                    |
|-------------------|-----------|--------------------|
| taraf hidup       | Singapura | keseimbangan       |
| barangan tempatan | komunis   | Tunku Abdul Rahman |

1. Idea pembentukan Malaysia telah dicadangkan oleh \_\_\_\_\_ .
2. Pembentukan Malaysia dapat membentuk \_\_\_\_\_ kaum.
3. Persekutuan Tanah Melayu telah mempunyai pengalaman dalam menghadapi ancaman \_\_\_\_\_ .
4. \_\_\_\_\_ dan Sarawak menghadapi ancaman komunis.
5. Pembentukan Malaysia dapat meningkatkan permintaan pasaran \_\_\_\_\_ .
6. \_\_\_\_\_ rakyat dapat dipertingkatkan melalui pembentukan Malaysia.

## **Latihan 2**

Tandakan ( BETUL ) pada pernyataan yang betul dan (SALAH) pada pernyataan yang salah mengenai sebab-sebab pembentukan Malaysia.

| PERNYATAAN                                                                                                            | BETUL/SALAH |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|
| 1. Singapura dan Sarawak menghadapi ancaman komunis.                                                                  |             |
| 2. Persekutuan Tanah Melayu mempunyai pengalaman dalam menghadapi ancaman komunis.                                    |             |
| 3. Pihak komunis cuba menjadikan Sabah sebagai sebuah negara komunis bagi mengembangkan pengaruhnya di Asia Tenggara. |             |
| 4. Pembentukan Malaysia membolehkan Singapura menguasai ekonomi Sabah dan Sarawak.                                    |             |
| 5. Pembentukan Malaysia dapat memajukan taraf hidup masyarakat Sabah dan Sarawak.                                     |             |
| 6. Pelaburan luar dijangka akan meningkat selepas pembentukan Malaysia.                                               |             |
| 7. Pasaran barangan tempatan di Sabah dan Sarawak merosot akibat menghadapi persaingan dari Semenanjung Tanah Melayu. |             |
| 8. Pembentukan Malaysia dapat mencapai keseimbangan kaum.                                                             |             |